

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERPISAHAN RASMI OLEH KERAJAAN BAGI SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG DAN RAJA PERMAISURI AGONG

TEMPAT: PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC), KUALA LUMPUR

TARIKH: 23 APR 1994

MASA:

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh
Kerajaan Malaysia menjunjung kasih kepada Seri Paduka
Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong,
kerana berkenan berangkat ke Majlis Perpisahan Rasmi oleh
Kerajaan bagi Baginda berdua pada malam ini.

2. Kerajaan dan pegawai-pegawai perkhidmatan awam dan
rakyat sekalian ingin merakamkan terima kasih kepada Tuanku
kerana di bawah naungan Tuanku semenjak lima tahun yang lalu
negara telah menikmati berbagai-bagai kemajuan di dalam
banyak bidang. Kerajaan yang mendokong prinsip Raja
Berperlembagaan berasa bangga dengan peranan Tuanku yang
telah menjalankan tugas sebagai Yang Di-Pertuan Agong dengan
dedikasi dan mengikut asas-asas yang telah ditetapkan dalam
Perlembagaan. Dengan kerjasama serta panduan Tuanku,
Kerajaan dan pegawai-pegawai perkhidmatan awam telah berjaya
menumpukan masa dan tenaga mereka kepada pengurusan
pentadbiran negara, yang mana secara langsung telah
membolehkan negara mencapai pembangunan yang amat pesat.
Daripada segi politik, negara juga stabil dan tidak ada
perbalahan politik yang mengancam keamanan rakyat. Rakyat
juga kini menikmati kualiti hidup yang tinggi dan sempurna.

3. Di bawah naungan Tuanku, negara telah mengalami
kemajuan yang pesat dalam bidang-bidang ekonomi, sosial dan
politik antarabangsa. Sungguhpun ekonomi dunia, terutamanya
Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun mengalami pertumbuhan
ekonomi yang lembap, namun ekonomi Malaysia telah berjaya
mencatatkan pertumbuhan yang membanggakan. Selama lima
tahun yang lalu pertumbuhan ekonomi negara melebihi lapan
peratus setiap tahun. Kadar inflasi juga berjaya dibendung
oleh Kerajaan dan pencapaian ini adalah antara yang terendah
di rantau ini. Rakyat juga mula sedar akan kebaikan dalam
peningkatan simpanan wang mereka dan mengurangkan
pembaziran.

4. Tuanku juga berjaya mengukuhkan lagi hubungan Malaysia
dengan negara-negara sahabat semasa menjalankan tugas Tuanku
terutama sewaktu melakukan lawatan-lawatan rasmi ke luar
negara. Melalui lawatan-lawatan tersebut perhubungan baik
negara dengan negara-negara berkenaan semakin mantap
terutamanya dalam hubungan dua hala. Hubungan mesra antara
rakyat dan sikap saling hormat- menghormati negara-negara

berkenaan turut semakin erat dan terpelihara.

5. Malah semasa di bawah naungan Tuanku, nama Malaysia begitu harum di dalam dunia politik antarabangsa. Malaysia dikenali kerana peranannya yang aktif memperjuangkan hak-hak negara-negara dunia ketiga yang lemah dan sedang membangun serta meningkatkan kerjasama politik dan ekonomi antara negara-negara Selatan. Kehadiran Malaysia dalam forum-forum antarabangsa bagi membincangkan isu-isu semasa seperti hak asasi manusia, alam sekitar dan perdagangan telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada dunia. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC), Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM), Mesyuarat Kumpulan 15 (G-15) dan Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) telah menjadi medan utama bagi negara mengutarakan persoalan-persoalan besar seperti pembunuhan kejam di Bosnia- Herzegovina, nasib dan hak rakyat Palestin, kebuluran di Somalia, dasar apartheid di Afrika Selatan, masalah pemerintahan di Kemboja, sekatan perdagangan dunia dan pelbagai lagi perkara penting yang menjadi masalah bersama negara-negara di dunia. Kedudukan negara di pentas dunia kini tidak lagi boleh dipandang rendah dan sepi oleh negara-negara kuat yang besar dan maju.

6. Kerajaan dan rakyat juga berbangga dengan penglibatan Tuanku di dalam pelbagai bidang sukan terutamanya hoki. Minat yang ditunjukkan serta sokongan Tuanku pada bidang sukan bukan sahaja telah berjaya meningkat dan memajukan sukan negara di peringkat kebangsaan tetapi juga telah berjaya mengharumkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa. Pencapaian sukan negara adalah begitu pesat sekali dan sejak kebelakangan ini adalah amat menggalakkan. Malaysia telah banyak mencatatkan nama yang cemerlang dalam kejohanan dan acara-acara sukan di peringkat antarabangsa semasa di bawah naungan Tuanku. Kejayaan yang terbesar ialah kemenangan Piala Thomas. Pencapaian yang lain ialah di bidang hoki, boling dan olahraga.

7. Negara kita juga kini menjadi pilihan, tumpuan dan gelanggang utama dunia bagi acara-acara sukan antarabangsa dan ini termasuklah pengurusan Sukan Komanwel di tahun 1998. Ini adalah satu penghormatan dan kebanggaan kepada negara.

8. Kerajaan dan rakyat juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Raja Permaisuri Agong atas penglibatan aktif Baginda dalam berbagai-bagai bidang sosial dan kemasyarakatan terutama kerja- kerja amal dan kebajikan. Rakyat amat kagum dengan keprihatinan dan kejayaan Tuanku Bainun dalam menanam sikap mengambil berat atau mengambil tahu hal-hal susah senang masyarakat. Rasa kasih sayang terhadap insan yang lemah, tertindas dan tidak bernasib baik berjaya dibukukan dalam hati masyarakat sehingga dapat diwujudkan 'masyarakat penyayang'. Justeru itu, Kerajaan serta pegawai-pegawai perkhidmatan awam serta rakyat sekalian ingin menjunjung tinggi dan merakamkan ribuan terima kasih di atas sumbangan Tuanku Bainun semasa menjalankan peranan dan tugas Baginda

sebagai Raja Permaisuri Agong.

9. Sekali lagi Kerajaan dan rakyat menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong kerana berkenan berangkat ke Majlis Perpisahan Rasmi ini.

10. Akhir kata, Kerajaan dan rakyat berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala Yang Maha Pengasih lagi Yang Maha Pemurah, mudah-mudahan dilanjutkan usia Tuanku berdua. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala menganugerahkan kesihatan dan kesejahteraan ke atas Tuanku berdua. Wabillahitaufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.